



SARANAN JEJAK RINGKAS

Pertama kali dicatat dalam sebuah peta pada 1828 sebagai "R. Tampenus", Tampines telah berkembang daripada sebuah petempatan luar bandar kepada sebuah daerah kediaman yang memenangi anugerah pengiktirafan antarabangsa. Detik-detik masa lalu boleh dilihat dalam peta, imej dan kisah masyarakat yang kini dipamerkan di Galeri Tampines Kita (Our Tampines Gallery), terletak di Perpustakaan Daerah Tampines. Di samping itu, banyak tempat dan tapak di Tampines telah membentuk warisan sejarah dan budaya bandar ini yang unik. Ayuh teroka Tampines melalui tiga jejak bertema ini.

Jejak Bandar Tampines (1.5 jam; menaiki bas dan berjalan kaki)

Diberikan Anugerah Habitat Sedunia oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 1991, pembangunan Bandar Tampines (Tampines Town) adalah satu pencapaian yang ketara dalam perumahan awam Singapura. Jejak ini meneroka beberapa inovasi perancangan bandar yang diperkenalkan oleh Lembaga Perumahan dan Pembangunan (HDB) dan juga tapak warisan harian yang merupakan sebahagian daripada masyarakat Tampines.

(Nota: Anda mungkin mahu memulakan jejak ini pada waktu pagi kerana kebanyakan gerai di Pusat Makanan dan Pasar Bulat Tampines (Tampines Round Market and Food Centre) hanya dibuka sehingga sekitar 3 petang.)



Mulakan perjalanan anda dengan lawatan ke **Galeri Tampines Kita** yang terletak di aras 2 Perpustakaan Daerah Tampines di Hab Tampines Kita (Our Tampines Hub). Di galeri ini, anda boleh mempelajari lebih lanjut tentang sejarah Tampines dan menikmati cerita-cerita yang telah dikongsi masyarakat yang tinggal dan bekerja di sini.



Seterusnya tuju ke arah laluan keluar Festive Walk West dan cari arca peringatan **Anugerah Habitat Sedunia** (World Habitat Award) yang terletak di belakang hab. Diberikan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu pada 1991, anugerah ini mengiktiraf strategi perancangan bandar inovatif yang digunakan oleh HDB untuk Bandar Tampines sehinggalah menjadi satu projek petempatan yang berjaya dan boleh dicontohi negara lain.



Selepas meninjau arca, anda boleh bersiar ke **Taman Sentral Tampines** (Tampines Central Park) yang terletak di belakangnya sahaja. Taman ini adalah salah satu daripada banyak kawasan hijau di Tampines yang menjadi sebagai penyambung antara kejiranan dan juga menjadi ruang riadah bagi penduduk untuk bersantai. Di taman ini, anda boleh mencari ikon HDB pada tahun 1980-an, iaitu taman permainan yang berbentuk manggis dan tembikai, serta arca oleh mendiang seniman dan penerima Pingat Budaya, Ng Eng Teng.

Selepas mengunjungi taman itu, anda boleh menuju ke 25 Tampines Street 21 di mana anda akan tiba di **Kuil Cina Tampines** (Tampines Chinese Temple). Terletak bersebelahan dengan Blok 231, kuil ini menempatkan 12 kuil konstituen termasuk beberapa yang telah berada di Tampines sejak abad ke-19. Saksikanlah dua pokok Tempinis (*Streblus elongatus*) yang terletak di dalam kawasan kuil tersebut. Nama Tampines ini berasal daripada pokok Tempinis yang dihargai kerana kayunya yang tahan lama.



Perhentian terakhir anda di jejak ini ialah **Pusat Makanan dan Pasar Bulat Tampines** (Tampines Round Market & Food Centre), sebuah hab sosial untuk penduduk sejak ia dibuka pada 1983. Setelah menamatkan perjalanan anda, rehatkan diri dengan mencuba hidangan tempatan dari gerai makanan yang sebilangannya telah disenaraikan dalam majalah dan blog makanan kerana menawarkan makanan yang lazat.

Jejak Institusi Agama (1.5 jam; menaiki bas dan berjalan kaki)

Sebagai sebuah bandar yang sibuk, Tampines adalah rumah bagi banyak institusi agama yang mencerminkan kepelbagaian masyarakatnya. Tempat-tempat ibadat ini menceritakan kekayaan warisan budaya Tampines dan meneruskan warisan kampung masa lalunya. Mulakan jejak ini dengan mencari institusi agama dan teroka keunikan seni bina dan amalan yang dilakukan di institusi ini.

(Nota: Kebanyakan institusi ini terbuka kepada orang ramai tetapi pastikan anda mematuhi arahan mengenai tingkah laku dan pakaian yang sesuai.)



Mulakan perjalanan anda di **Kuil Cina Tampines** (Tampines Chinese Temple) yang tersergam megah di 25 Tampines Street 21. Kuil ini menyerumahkan 12 kuil tempatan kecil termasuk beberapa yang telah bertempat di Tampines sebelum ia dibangunkan. Satu ciri menarik kuil itu adalah arca naga 270 meter yang menghiasi perimeter kuil tersebut. Anda juga boleh saksikan dua pokok Tempinis yang ditanam di perkarangan kuil ini.



Seterusnya, tuju ke **Tampines Link** tempat anda boleh melihat sekelompok kuil berderet di jalan itu. Kuil seperti **Kuil Kew Sian King** (Kew Sian King Temple) di 7 Tampines Avenue kaya dengan sejarah - ada telah berada di Tampines selama beberapa dekad manakala yang lain telah ditempatkan semula baru-baru ini dari kawasan berlainan di Singapura. Antara kuil ini adalah **Kuil Jiutiaoqiao Xinba Nadutan** (Jiutiaoqiao Xinba Nadutan Temple) di 95 Tampines Link yang mungkin paling dikenali kerana menyerumahkan tempat suci daripada berbilang kepercayaan. Di dalam kuil ini, anda boleh mendapati tempat-tempat suci khusus untuk Tua Pek Kong Kepercayaan Tao, dewa Hindu Ganesha dan dewa Malaya Datuk Gong.



Dari kuil ini, tuju ke **Masjid Darul Ghufuran** yang terletak di sekitar Tampines Avenue 5. Disediakan pada tahun 1990, menara tinggi masjid ini menjadi mercu tanda yang tersendiri di Tampines. Masjid ini adalah masjid kedua terbesar di Singapura sewaktu ia dibina dan kini sedang menjalani kerja naik taraf sejak 2016 untuk meningkatkan lagi kapasitinya. Masjid ini dijadual akan dibuka semula pada akhir 2018.



Akhir sekali, tuju ke perhentian terakhir di jejak ini dan kunjungi **Gereja Katolik Holy Trinity** (Catholic Church of the Holy Trinity) di Tampines Street 11. Gereja Roman Katolik ini telah berkhidmat di Tampines sejak ia dibuka pada tahun 1990 dan dewan utamanya bercirikan panel kaca berwarna yang diimport dari Milan, Italy.

Jejak Kawasan Hijau (1 jam; berbasikal)

Tampines mempunyai beberapa taman dan kawasan hijau, termasuk beberapa yang berkaitan dengan warisan industri terawal. Jejak berbasikal ini membawa anda melalui beberapa tapak yang indah, bermula dengan kuari yang tidak lagi digunakan dan sekarang dipenuhi air hujan. Anda juga akan dapat melihat di mana terletaknya beberapa bekas kampung Tampines dan Lorong Halus, tapak pelupusan sampah yang sudah menjadi paya. Banyak tapak ini sesuai untuk bergambar. Jadi, bawalah kamera anda!



Mulakan perjalanan anda di Bedok Reservoir Park, yang dahulunya sebuah kuari pasir. Pada tahun 1960-an, terdapat lebih daripada 20 kuari sedemikian di Tampines yang menyediakan pasir bagi pembinaan flat HDB seluruh Singapura. Bagaimanapun, kebanyakan kuari telah ditimbus semula apabila Bandar Tampines dibina pada tahun 1970-an namun kuari ini diubah menjadi kolam air pada 1986. Hari ini Bedok Reservoir Park sebuah destinasi riadah popular bagi penggiat lari-lari dan sukan air.

Di hujung kelompok kuil dan sepanjang Reservoir Park, yang dahulunya sebuah rumah kedai yang pernah menjadi sebahagian daripada bekas **Kampung Hun Yeang** (Hun Yeang Village) yang dinamakan sempena nama pemilik ladang abad ke-20, Khoo Hun Yeang. Rumah kedai bersama dengan Hun Yeang Road dan Jalan Sam Kongsi Road adalah antara beberapa peringatan fizikal Tampines masa lalu. Anda boleh berehat sebentar dan minum di sini sebelum meneruskan Jejak Kawasan Hijau ini.



Teruskan perjalanan sepanjang Tampines Avenue 10 menuju **Tampines Link** di mana anda akan mendapati kelompok kuil di jalan ini. Kuil-kuil di sini seperti **Kuil Kew Sian King** (Kew Sian King Temple) di 7 Tampines Avenue telah berada di Tampines sejak beberapa dekad lalu manakala yang lain berpindah dari kawasan lain di Singapura. Di sebelah kanan anda, anda akan melihat **Takungan Khidmat AirBaru Tampines** (Tampines NEWater Service Reservoir) yang ditandai oleh dua tangki air berbentuk kon terbalik yang boleh mengandungi sehingga 8,448 meter padu AirBaru setiap satu. Struktur yang kelihatan futuristik ini menjadkan gambar yang dipetik unik terutama sekali apabila diterangi pada waktu malam.

Seterusnya, berkayuhlah ke Tampines Avenue 10 sehingga anda sampai ke persimpangan Pasir Ris Industrial Drive 1, kemudian, belok kiri. Belok kanan di hujung jalan raya ke Pasir Ris Farmway 2 kemudian ikuti jalan berlingkung ini ke kiri menuju Pasir Ris Farmway 3. Anda akan tiba di **Paya Simpanan Lorong Halus** (Lorong Halus Wetland) yang sebelum ini merupakan tapak Loji Rawatan Enap Cemar Serangoon (Serangoon Sludge Disposal Works). Ditubuhkan oleh Suruhanjaya Perbandaran kolonial pada tahun 1941, pusat ini merawat kumbahan dan najis sehingga 1987. Kawasan sekelilingnya juga digunakan sebagai tempat penguangan sampah. Pada tahun 1950-an, sebahagian daripada bekas paya sekeliling kawasan Loji Rawatan Enap Cemar digunakan sebagai kumbahan tanah hingga tahun 1999. Hanya pada tahun 2000-an, tapak ini telah dipulih dan berubah menjadi paya.



Jejak berbasikal berakhir di sini tetapi anda boleh terus meneroka persekitaran menghijau yang subur di sekitar Lorong Halus. Anda juga boleh menyeberangi jambatan merah yang menghubungkan Paya Simpanan Lorong Halus (Lorong Halus Wetland) dan Punggol Waterway. Di sini anda boleh terus menikmati keindahan alam semula jadi di derah timur laut Singapura.

TAMPINES JEJAK WARISAN

« TEROKA WARISAN BERSAMA KITA »


Jejak Warisan Tampines adalah sebahagian daripada usaha berterusan Lembaga Warisan Negara mendokumentasi dan membentangkan sejarah dan kenangan sosial mengenai tempat-tempat di Singapura. Kami berharap jejak ini akan membawa kembali kenangan manis bagi mereka yang pernah bekerja, tinggal atau bermain di kawasan itu, dan ia juga boleh dimanfaatkan sebagai sumber maklumat berguna bagi pelawat dan penduduk baru.



Disokong oleh
MCCY
Ministry of Culture, Community and Youth



Pasar Bulat Tampines dan estet sekitarnya, 1980-an
Ilustrasi Lembaga Perumahan dan Pembangunan




HERITAGE SITES IN THE SUGGESTED SHORT TRAIL ROUTES



CATHOLIC CHURCH OF THE HOLY TRINITY



LORONG HALUS WETLAND




MASJID DARUL GHUFRAN



OUR TAMPINES HUB




TAMPINES CENTRAL PARK



TAMPINES CHINESE TEMPLE



TAMPINES ROUND MARKET & FOOD CENTRE



TEMPLE CLUSTER AT TAMPINES LINK



WORLD HABITAT AWARD SCULPTURE